


BAB I  
**PENDAHULUAN**



**Repository University Of Riau**

PERPUSTAKAAN UNIVERSITAS RIAU

<http://repository.unri.ac.id/>

Kebijakan dan Implementasi

## Bab I

# PENDAHULUAN

Sejarah panjang pembangunan bangsa Indonesia bermula daripada era awal kemerdekaan pada tahun 1945, era orde lama, dan era orde baru, menunjukkan bahawa model pembangunan yang dilaksanakan ialah model sentralistik dengan sistem perancangan *top down*. Model tersebut telah pula memberi pelajaran bahawa hak-hak masyarakat untuk merubah dan menentukan nasib sendiri menjadi terhad. Selari dari kesedaran yang berasaskan kepada realiti bahawa kehidupan bermasyarakat, berbangsa, dan bernegara yang kurang berpihak kepada masyarakat terutama masyarakat daerah. Oleh itu, masyarakat daerah menggugat kewujudan pembangunan daerah yang partisipatif dengan model desentralistik, pemahaman ini memaparkan bahawa masyarakat daerah mempunyai hak dan kewajiban untuk menentukan nasib sendiri.

Tujuan desentralisasi sebagaimana dimaksud ialah agar masyarakat daerah memperoleh keleluasaan (*discretionary power*) untuk menyelenggarakan pembangunan daerah. Konsep tersebut bermakna bahawa terjadinya perubahan kehidupan bermasyarakat apabila daerah diberi kewenangan untuk menyelenggarakan pembangunan daerahnya dengan prinsip-prinsip yang lebih mengutamakan kepentingan masyarakat dalam rangka meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Sehingga perubahan kehidupan masyarakat daerah dalam



rang pemeraksanaan masyarakat, yang selama ini memang belum wujud kerana didera oleh kemiskinan, kebodohan, dan keterbelakangan.

Perubahan-perubahan dan impak yang diharapkan ialah terjadinya perubahan paradigma penyelenggaraan pemerintahan yang sentralistik menjadi pemerintahan yang desentralistik dengan memberikan peluang kepada masyarakat daerah dalam konsep otonomi daerah. Otonomi daerah ialah dengan memposisikan masyarakat sebagai pemangku pembangunan, dari masyarakat oleh masyarakat dan untuk masyarakat. Oleh itu, masyarakat tidak lagi menjadi sasaran pembangunan tetapi sudah menjadi pelaksana dan juga sebagai sasaran pembangunan. Dengan demikian diharapkan terjadi paradigma pembangunan berkeadilan yang berpusat pada masyarakat. Pembangunan yang berpusat pada masyarakat merupakan penghargaan ke atas peranan aktif segenap masyarakat, untuk membangun dan menentukan nasib sendiri yang berasaskan kepada adanya penglibatan sebagai suatu hak dan kewajiban masyarakat.

Pengagihan outonomi oleh pemerintah pusat kepada daerah merupakan sokongan kepercayaan kepada daerah untuk mengatur dan membangun daerahnya sendiri. Kondisi ini kemudian disokong dengan adanya pemecahan kawasan pada tiap-tiap daerah dalam rang mensosialisasikan pelaksanaan outonomi daerah. Sehingga dengan dilakukan pemecahan kawasan pada tiap-tiap daerah tersebut, seluruh pemerintahan yang dipecahkan diharapkan siap untuk menjalankan sistem pemerintahan guna terus mengikuti perkembangan dan terus bersaing dengan daerah-daerah yang sudah ada sebelumnya. Dengan demikian diharapkan dapat tercipta pembangunan bersama untuk semua masyarakat daerah di seluruh wilayah Negara Kesatuan Republik Indonesia, yang merata, berkeadilan dan agar tercipta kesejahteraan masyarakat.

Otonomi daerah yang telah dan akan dilaksanakan dihadapkan oleh beberapa cabaran, diantaranya: *Pertama*, perubahan struktur organisasi pemerintahan yang bererti pengubahsuaian fungsi pegawai, penataan sistem dan pembinaan pegawai. *Kedua*, persaingan yang sihat antar daerah dalam memanfaatkan potensi pembangunan yang bererti diperlukan pegawai yang memiliki kemampuan profesional yang dinamik dan berwawasan luas. *Ketiga*, tanggung jawab yang semakin besar oleh bererti diperlukan



kemampuan merancang program pembangunan yang sesuai dengan kemahuan masyarakat serta secara strategik dapat mempertahankan kesuksesan daerah. *Keempat*, tuntutan yang semakin meningkat dari masyarakat terhadap kualitas perkhidmatan dan peningkatan kesejahteraan masyarakat. *Kelima*, tuntutan kemampuan yang lebih tinggi kepada pegawai daerah dalam cara-cara pemeraksanaan masyarakat dalam proses pembangunan.

Pelaksanaan outonomi diharapkan akan dapat memberi halatuju yang sesungguhnya kepada masyarakat daerah tentang kualitas hidup masyarakat daerah. Kerana secara realitinya manusia dan masyarakat merupakan faktor yang sangat penting dalam menentukan keberjayaan suatu proses pembangunan. Sebab pembangunan daerah ialah sebuah pembangunan yang dilaksanakan berasaskan prinsip-prinsip masyarakat daerah sesuai dengan potensi yang dimiliki, sama ada sumber manusia mahupun sumber semula jadi. Oleh itu, pembangunan daerah hendaklah ditujukan kepada pemerksaan masyarakat yang memberikan peluang kepada tiap-tiap masyarakat untuk ikut serta dalam proses pembangunan. Penglibatan masyarakat dalam pembangunan dengan memperoleh peluang yang sama untuk menikmati hasil pembangunan. Syarat utama dalam penglibatan masyarakat berhubungkait dengan kemampuan untuk memiliki kesempatan yang sama, sehingga masyarakat dapat diperkasakan dalam proses pembangunan.

Program pemeraksanaan masyarakat miskin di Bandar Pekanbaru dilakukan dengan tujuan untuk membanteras kemiskinan. Penduduk miskin di Bandar Pekanbaru lebih kurang 150,942 orang atau sekitar 16.50 peratus daripada penduduk Bandar Pekanbaru, iaitu lebih kurang 905,612 orang yang berada pada 12 kecamatan. Dari 150,942 orang penduduk miskin tersebut baru sebahagian kecil yang telah mengikuti program, iaitu lebih kurang 9,600 orang. Dari 9,600 orang tersebut hanya sebahagian kecil sahaja yang berjaya dalam program pemeraksanaan masyarakat miskin (Program UEK-SP). Penduduk miskin di bandar Pekanbaru cukup ramai, begitu pula yang mengikuti program pambanterasan kemiskinan, namun yang berjaya hanya sebahagian kecil sahaja. Oleh itu, penyelidik berminat untuk melakukan penyelidikan tentang pemeraksanaan masyarakat miskin.

Perubahan-perubahan yang terjadi dalam sistem penyelenggaraan erian otonomi kepada



tiap-tiap daerah dalam rang usaha membangun daerah dengan segala kemampuan dan potensi yang dimiliki oleh daerah. Tujuan pemberian otonomi tersebut ialah agar daerah memiliki keleluasaan (*discretionary power*) untuk menyelenggarakan pembangunan daerah. Dalam konsep otonomi itu terkandung makna bahwa terjadinya perubahan kehidupan bermasyarakat apabila daerah diberikan kewenangan untuk menyelenggarakan pembangunan daerahnya dengan prinsip yang lebih mengutamakan kepentingan masyarakat dalam rang meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Sehingga perubahan kehidupan masyarakat diarahkan kepada kemandirian daerah dalam pemerksaan masyarakat.

Pelaksanaan program pemerksaan masyarakat dilakukan dengan melihat permasalahan sosial yang wujud pada persekitaran masyarakat daerah. Persoalan kehidupan sosial masyarakat setakat ini sangat pelbagai, perkara ini berpunca oleh beberapa faktor antaranya ialah latar belakang pendidikan, budaya tempatan, pekerjaan dan pola pikir serta gaya hidup masyarakat tempatan.

Bermula dari kondisi yang pelbagai tersebut dalam kehidupan masyarakat, akan menimbulkan bentuk penanganan yang berbeza ketika seseorang atau kelompok ingin menjalankan suatu program pemerksaan masyarakat untuk menunjang kelebihan yang ada pada suatu wilayah objek pelaksanaan program pemerksaan berkenaan.

Pendekatan pembangunan partisipatif harus dimulakan dengan menumbuh kembangkan pengetahuan, kemahiran dan kesedaran masyarakat untuk merubah keadaan menjadi lebih baik. Mikkelsen (1999) menghujahkan bahawa paradigma pembangunan partisipatif mengharuskan mewujudkan dua perspektif, iaitu:

- i. Penglibatan masyarakat tempatan dalam proses pemilihan, perancangan, perencanaan dan pelaksanaan pembangunan yang akan mewarnai kehidupan mereka sehingga dengan demikian dapat dipastikan bahawa pola sikap dan pola pikir serta nilai-nilai pengetahuan mereka ikut dipertimbangkan secara maksimum.
- ii. Membuat umpan balik (*feed back*) yang tidak boleh dilepaskan dari kegiatan pembangunan yang dilaksanakan.



Sesungguhnya pola pelaksanaan pembangunan dengan paradigma partisipatif ialah mengoptimalkan kemampuan, kemahiran, dan kemahuan mereka dalam setiap proses pembangunan. Dengan demikian profesionalisma merupakan kata kunci pembangunan partisipatif tersebut. Oleh itu, pembangunan sumber manusia pada tiap-tiap unit harus menjadi tumpuan utama. Apabila setiap unit telah dibangun dengan baik maka peranan aktif segenap unit tersebut harus diutamakan dengan memposisikan konsep-konsep pemerksaan masyarakat. Dalam rang ini, pemerksaan masyarakat merupakan langkah yang sangat penting untuk gerak pembangunan partisipatif. Pelaksanaan pembangunan partisipatif haruslah bertujuan untuk pemerksaan masyarakat supaya terlibat secara langsung dalam tiap-tiap proses pembangunan. Oleh itu, masyarakat harus perkasa agar mereka dapat berperanan dalam pembangunan masyarakat, apabila masyarakat tidak perkasa, maka mereka tidak akan mampu menjalankan pembangunan dengan baik. Dengan demikian konsep pemerksaan masyarakat harus menjadi prioriti utama untuk dijalankan.

Pelaksanaan program pemerksaan masyarakat dapat dijalankan oleh sesiapa sahaja baik perseorangan ataupun melalui pejabat pemerintah dan pihak swasta. Pelaksanaan program tersebut biasanya disesuaikan dengan keadaan kawasan sosial budaya dan sosial ekonomi masyarakat tempatan yang akan dijadikan objek pemerksaan, tentunya dengan melihat perkembangan masyarakat selama ini. Pelaksanaan program pemerksaan masyarakat tidak hanya terhad kepada program pemerksaan masyarakat pada masyarakat pedesaan sahaja yang dianggap belum tersentuh secara maksimum oleh informasi tetapi juga terhadap masyarakat bandar dan luar bandar, di mana keberadaan masyarakatnya sangat pelbagai. Oleh itu, arus informasi serta dampak dari arus *urbanisasi* kedua-dua kawasan tersebut sangat mempengaruhi pola pikir dan gaya hidup masyarakat tidak boleh disamakan dengan kawasan lainnya, kerana masing-masing kawasan berbeza satu sama lain.

Pemerksaan masyarakat dalam pembangunan daerah merupakan usaha untuk memandirikan masyarakat melalui perwujudan potensi kemampuan yang mereka miliki. Oleh itu, masyarakat diberikan kesempatan untuk menentukan pilihan kegiatan yang paling sesuai untuk kejayaan dan kesejahteraan mereka masing-masing. Sehingga tidak terdapat keinginan



pembangunan yang datang hanya dari pihak pemeraksa sahaja, tetapi alangkah lebih baik datang dari pihak yang diperkasakan. Kerana masyarakat akan diberikan kesempatan untuk memperoleh kehidupan yang lebih baik dengan kemampuan yang ia miliki, serta mengurangkan jurang ketidakadilan dalam masyarakat, serta mengatasi permasalahan kemiskinan yang sudah mendera kehidupan masyarakat selama ini.

Pelaksana pemeraksaan masyarakat sentiasa berhubungkait dengan dua kelompok yang terbabit iaitu masyarakat yang belum berjaya atau masyarakat miskin sebagai pihak yang harus diperkasakan dan pihak yang memiliki kepedulian dan perhatian sebagai pihak yang memperkasakan. Oleh itu, secara amnya masyarakat yang diperkasakan ialah masyarakat marginal dan yang memperkasakan ialah pemerintah, dunia usaha atau pihak-pihak lain yang peduli terhadap masyarakat yang belum berjaya dan belum peraksa, baik di bidang kewangan, kemahiran mahupun di bidang pengurusan.

Pemeraksaan masyarakat dalam konteks ini ialah bagaimana potensi-potensi yang terdapat pada masyarakat dapat diwujudkan dan dikembangkan sehingga tercipta kemandirian masyarakat. Oleh itu, segala usaha pemeraksaan masyarakat harus diarahkan kepada usaha penciptaan suatu keadaan yang memungkinkan masyarakat dapat menikmati kehidupan yang lebih baik dan sekaligus memperluas pilihan yang dapat dijalankan oleh masyarakat itu sendiri dengan menempatkan masyarakat sebagai pusat perhatian dan menjadikannya sebagai pelaksana utama dalam program pemeraksaan masyarakat, sehingga masyarakat tidak merasa terpaksa melainkan dengan kesedaran yang penuh untuk berjaya dan terhindar dari kemiskinan.

Semua usaha yang dijalankan untuk program pemeraksaan masyarakat hendaklah berhujung kepada perubahan-perubahan yang dilakukan secara bertahap (*gradual*) konsisten (*consistent*) dan berterusan (*sustainable*). Tiap-tiap usaha pemeraksaan masyarakat hendaklah dipandang sebagai sebuah motivasi untuk menggerakkan aktiviti sosial ekonomi masyarakat dengan menggerakkan kewangan sosial dan kewangan kapital. Oleh itu, usaha pemeraksaan masyarakat paling tidak harus memiliki 5 hal utama seperti yang dikatakan Gunawan Sumodiningrat (1997), iaitu:

- i. Bantuan kewangan untuk menyusun rang usaha kecil yang akan mereka jalankan. Bantuan kewangan dimaksud sebagai pendukung potensi dan kewangan social yang mereka miliki



- ii. Bantuan pengurusan usaha untuk mengatur pemerksaan usaha yang mereka jalankan, bagaimana merancang, menjalankan, mengembangkan dan mencari peluang kejayaan usaha yang dijalankan.
- iii. Pembangunan sarana pendukung kegiatan sosial ekonomi masyarakat, kerana sarana pendukung merupakan langkah untuk memperlancar usaha yang dijalankan.
- iv. Pembangunan pasar dan transportasi untuk memperlancar pemasaran barangan dan perkhidmatan produk yang mereka hasilkan.
- v. Pembangunan institusi tempatan sosial ekonomi masyarakat.

Selanjutnya dalam skop ini dijelaskan bahawa usaha pemerksaan masyarakat harus dilihat dari 5 sudut pandang, iaitu:

- i. Pemerksaan masyarakat dengan usaha penciptaan keadaan yang dapat memungkinkan masyarakat untuk berjaya. Ertinya ada suatu asumsi bahawa tiap-tiap masyarakat memiliki potensi secara alamiah yang dapat dikembangkan dan tiap-tiap masyarakat dapat memanfaatkan potensinya itu untuk merubah kehidupan kearah yang lebih baik.
- ii. Pemerksaan masyarakat dalam rang memenuhi keperluan asas harus dilakukan dengan cara memperkuat posisi ekonomi dengan memberikan bantuan kepadanya seperti bantuan pendidikan, kemahiran, kesihatan dan akses terhadap kewangan, teknologi, informasi dan lapangan kerja, ertinya bantuan-bantuan untuk masyarakat miskin, dipastikan dapat menggali potensi ekonomi yang ia miliki.
- iii. Pemerksaan masyarakat dengan melindungi masyarakat ekonomi lemah dari persaingan yang tidak sihat dengan para pemilik kewangan atau pengusaha besar dengan menciptakan pola kebersamaan saling memerlukan, atau dengan kata lain diciptakan pola kemitraan usaha. Ertinya perhatian khas untuk usaha-usaha ekonomi kecil harus mendapat tumpuan utama agar mereka tidak tertinggal dan dapat memanfaatkan peluang untuk berjaya.
- iv. Pemerksaan masyarakat dengan usaha-usaha yang dapat menggali segenap potensi yang mereka miliki, ertinya usaha-usaha pembangunan





harus diarahkan kepada apa yang ia mampu dan ia mahu serta harus disesuaikan dengan keadaan yang berjaya ditengah-tengah masyarakat.

- v. Pemerksaan masyarakat harus diusahakan melalui pembangunan ekonomi masyarakat yang dimulakan dengan mengurangkan kemiskinan masyarakat berkenaan.

Langkah-langkah dan usaha pemerksaan masyarakat menuntut kemahuan dan kepedulian semua pihak yang diwujudkan dalam pelbagai pola termasuk pola kemitraan antara pengusaha besar dengan usaha kecil atau antara pihak yang telah maju dengan pihak yang baru berjaya. Dalam pemahaman ini pemerksaan masyarakat merupakan suatu proses perubahan dalam masyarakat dari posisi ketergantungan menuju proses kemandirian. Proses perubahan tersebut diharapkan terjadi secara sengaja, ertinya tiap-tiap yang diubah akan berubah dan tiap-tiap yang diperksakan akan perksa, bukan sekedar program pemerksaan sahaja, tetapi wujud dan implemen-tasinya memang menyentuh sesuai dengan masalah dan tujuan yang hendak dicapai.

Semenjak Indonesia merdeka dari penjajahan Belanda dan Jepun, serta selari dengan perjalanan waktu, maka telah banyak program-program pemerksaan masyarakat yang dilaksanakan oleh pemerintah selama ini, antara lain Program Pengembangan Kecamatan (PPK), Program Nasional Pemberdayaan Masyarakat Mandiri (PNPM Mandiri), termasuk program Impres Desa Tertinggal (IDT) yang dilaksanakan mulai tahun 1990 yang mencuba menghilangkan kemiskinan melalui program bantuan kewangan tersebut namun demikian program IDT tersebut belum menemukan perbaikan untuk menjawab punca persoalan kemiskinan dalam masyarakat.

Bahkan angka kemiskinan selalu naik tiap-tiap tahun walaupun diakui adanya penurunan di satu pihak. Ertinya program-program ini belumlah berjaya sesuai dengan harapan. Persoalan kemiskinan sangat berhubung kait dengan masyarakat terutama pada negara-negara sedang berkembang termasuk Indonesia, kerana kemiskinan tersebut berhubungkait pula dengan tingkat produktiviti masyarakat, pengangguran dan kemiskinan yang berpunca dari kebodohan, keterbelakangan dan minimnya infrastruktur penunjang.



Kemiskinan yang terjadi pada masyarakat seperti: Kemiskinan *absolute* dimana tingkat perolehan kewangan tidak cukup memenuhi keperluan hidup minimum seperti keperluan pangan (makanan), sandang (pakaian), papan (perumahan), kesihatan pendidikan yang diperlukan untuk dapat hidup dan bekerja. Rendahnya tingkat perolehan kewangan ini disebabkan oleh terhadnya sarana dan prasarana. Kemiskinan relatif apabila dibandingkan dengan masyarakat lain yang bersifat struktural, sementara kemiskinan kultural disebabkan oleh sikap mental dan budaya masyarakat, seperti pemalas dan budaya konsumtif.

Persoalan kemiskinan di atas memang tidak boleh dibiarkan begitu sahaja namun harus diusahakan untuk dihilangkan dan yang sangat tepat dijalankan ialah melalui pemerksaan masyarakat. Salah satu program yang tengah dijalankan oleh Pemerintah Indonesia pada masa sekarang ini ialah program ekonomi kemasyarakatan. Program ini ditujukan untuk pembangunan ekonomi masyarakat dengan cara memberikan bantuan kewangan untuk usaha, pengurusan dan bantuan kemahiran serta infrastruktur kepada masyarakat miskin. Secara konseptual, pemerksaan masyarakat ialah usaha untuk meningkatkan kemampuan dan potensi yang dimiliki oleh masyarakat, sehingga mereka dapat membangun diri, harkat dan martabatnya secara maksimal untuk boleh bertahan dan mengembangkan diri secara mandiri.

Perkara ini, bertujuan agar masyarakat dapat melepaskan diri dari perangkap kemiskinan dan keterbelakangan. Dengan demikian pemerksaan masyarakat miskin dalam pembangunan merupakan suatu usaha untuk meningkatkan kemampuan dan kemandirian, baik di bidang ekonomi, sosial, budaya dan politik. Program pembangunan desa/kelurahan (PPD) menuntut masyarakat sebagai pusat perhatian dan sasaran sekaligus pelaku utama dalam setiap peringkat aktiviti. Program pembangunan desa/kelurahan (PPD) juga memberikan pendampingan kepada masyarakat untuk membantu masyarakat dalam meningkatkan kapasiti, memfasilitasi masyarakat dalam setiap peringkat aktiviti, membantu potensi desa/kelurahan dan menjaga kualiti setiap peringkat aktiviti. Program pembangunan desa/kelurahan (PPD) dilaksanakan dengan cara menempatkan sejumlah wang ditingkat desa/kelurahan sebagai kewangan usaha untuk membiayai aktiviti ekonomi masyarakat.



Penempatan pendamping dan pemeriksa lainnya untuk dapat membantu kegiatan operasional, seperti kemahiran dan pengurusan usaha. Berasaskan petunjuk kemahiran program pembangunan desa/kelurahan (PPD), memiliki tujuan mempercepat pengurangan kemiskinan melalui pengembangan ekonomi yang dapat membantu peningkatan perolehan kewangan masyarakat dengan pemberian wang usaha desa/kelurahan menuju kemandirian desa. Secara khas tujuan tersebut ialah:

- i. Mendorong berjayanya perekonomian masyarakat.
- ii. Meningkatkan sokongan usaha (motivasi) bagi masyarakat miskin.
- iii. Meningkatkan pengembangan usaha dan penyerapan tenaga kerja.
- iv. Mengurangi ketergantungan masyarakat dari rentenir atau tengkulak.
- v. Meningkatkan peranan masyarakat dalam pelbagai bidang usaha.
- vi. Meningkatkan kerjasama dan kebersamaan.

Dalam usaha mendukung tercapainya tujuan tersebut, program pembangunan desa/kelurahan (PPD) memiliki prinsip-prinsip pelaksanaan sebagai berikut:

- i. Keberpihakan kepada orang miskin

Setiap kegiatan yang dilaksanakan, baik dalam proses mahupun pemanfaatan hasil kegiatan harus mempertimbangkan manfaat yang sebesar-besarnya untuk kelompok masyarakat miskin.

- ii. Telus

Seluruh operasional kegiatan PPD harus dilaksanakan secara telus (terbuka) dan diketahui oleh orang ramai. Dengan ketelusan segala sesuatu yang dilakukan dapat dipertanggungjawabkan kepada masyarakat.

- iii. Penglibatan

Kegiatan ini melibatkan masyarakat secara aktif terutama kelompok orang miskin dalam setiap tahap kegiatan PPD, mulai dari tahap sosialisasi, perencanaan, pelaksanaan, pengendalian, pelestarian dan pengembangan kegiatan.



iv. Desentralisasi

Kegiatan ini memberikan kewenangan kepada masyarakat atau dengan kata lain masyarakat memperoleh kembali hak-haknya yang dipunyai untuk mengelola pembangunan secara mandiri dan partisipatif.

v. Kompetensi sihat

Setiap pengambilan keputusan dalam PPD dilakukan melalui musyawarah dan bersifat kompetensi secara sihat untuk menentukan prioriti kegiatan yang dibiayai, berdasarkan hasil kajian atau telaah terhadap berbagai alternatif pilihan untuk mendapatkan pilihan terbaik.

Program pembangunan desa/kelurahan yang dilaksanakan di Bandar Pekanbaru Provinsi Riau dikenal dengan nama Usaha Ekonomi Kelurahan Simpan Pinjam (UEK-SP) dengan tujuan memberikan bantuan kewangan untuk usaha agar masyarakat usaha kecil dapat menopang usaha untuk lebih maju. Melalui bantuan kewangan untuk usaha diharapkan usaha-usaha ekonomi kecil tumbuh dan berjaya Program Ekonomi Masyarakat (PEK) di Propinsi Riau diwujudkan dalam bentuk pendirian UEK-SP dan UED-SP pada semua kelurahan dan desa dengan cara mengagihkan bantuan kewangan sebesar Rp 550,000,000,- sedangkan di Bandar Pekanbaru diagihkan bantuan kewangan Rp 500,000,000,- dan bantuan kewangan tersebut bersumber dari Anggaran Pendapatan dan Belanja Daerah (APBD).

Program UEK-SP di Bandar Pekanbaru telah dilaksanakan lebih kurang delapan tahun yang lalu atau dimulai tahun 2005. Program UEK-SP ini dimaksudkan untuk membantu masyarakat miskin yang potensial untuk dikembangkan atau masyarakat usaha kecil yang kekurangan kewangan untuk mengembangkan usaha dan diharapkan dengan bantuan kewangan tersebut mereka dapat melaksanakan usaha untuk pemula dan mengembangkan usaha untuk telah memiliki usaha. Di samping bantuan kewangan untuk usaha juga bantuan kemahiran dalam berusaha dan bantuan pengurusan usaha.

Dasar ini dilaksanakan oleh pemerintahan Propinsi Riau melalui BPPM Propinsi Riau dan BPMKB Pekanbaru. Setiap UEK-SP yang sudah terbentuk pada semua kelurahan dengan diagihkan bantuan kewangan abadi oleh

1 BPMKB Pekanbaru



sebesar Rp 500.000.000,-. Bantuan kewangan abadi ini langsung dibayarkan kepada rekening otoriti UEK-SP kelurahan iaitu Lurah, LPM dan tokoh perempuan, dan kewangan ini boleh dicairkan sesuai dengan permintaan oleh pengurus UEK-SP yang terdiri dari pengawas am, ketua pengerusi, tata usaha dan kasir serta tim verifikasi dan lain-lain.

Tim ini akan bekerja mulai dari melakukan verifikasi kepada masyarakat, pembinaan pengurusan usaha sampai kepada pendampingan dengan tujuan kewangan dapat dikembalikan dengan membayar semula secara bertahap dan usaha mereka dapat berjaya. Tapi kenyataannya berdasarkan hasil pengamatan dapat diidentifikasi bahawa sebahagian dari peminfaat kurang berjaya dalam menjalankan usahanya.

Dari permasalahan tersebut dapat dianalisis bahawa tim verifikasi kurang optimal dalam melakukan tugasnya. Apabila tim verifikasi bekerja optimal maka yang harus dilakukan pertama ialah verifikasi kewangan sosial dan seterusnya kewangan kapital iaitu ketersediaan wang yang mereka miliki dan yang mereka harapkan. Para pelaku usaha kecil baik pemula mahupun yang sudah memiliki usaha, ketika mereka melakukan peminjaman kewangan usaha kepada UEK-SP hanya dengan satu harapan usahanya boleh berjaya sehingga pada masa hadapan mereka tidak lagi tergantung pada pinjaman ertinya mereka telah perkasa dari sisi kewangan usaha, pengurusan dan kemahiran.

Keperkasaan para pelaku usaha kecil yang dibantu oleh UEK-SP bererti kemampuan mereka dalam segi pengurusan usaha dan kemampuan mereka dari segi kewangan ertinya, kewangan sosial mereka berjaya dan kewangan kapital mereka bertambah. Keperkasaan para pelaku usaha kecil ini dapat pula dilihat dari unsur-unsur yang memungkinkan mereka untuk bertahan dan biasanya usaha kecil ini ialah usaha kuat. Oleh itu, ketika para calon peminfaat UEK-SP ingin melakukan peminjaman kewangan usaha maka paling tidak ada beberapa hal yang harus dijalankan oleh pengerusi UEK-SP dalam melakukan kegiatannya :

- i. Melakukan penyelidikan borang usaha yang mereka ajukan.
- ii. Menyelidiki keseriusan, kemahuan dan pengalaman calon peminfaat.
- iii. menyelidiki kejujuran yang mereka miliki agar dengan kejujuran itu mereka menavadari nosisi mereka sebagai orang yang diperkasakan.



Ketiga inilah yang disebut dengan keadaan yang memungkinkan potensi mereka untuk berjaya.

- iv. Memberikan pemahaman tentang usaha kecil menjalankan usaha antara harapan dan resiko.
- v. Memberikan masukan tentang peluang-peluang usaha yang akan mereka lakukan.
- vi. Memberikan masukan dalam pengembangan usaha.
- vii. Mengusahakan agar mereka dapat bertahan.
- viii. Melindungi mereka dari cubaan-cubaan dan godaan untuk berperilaku konsumtif.
- ix. Membantu agar daya saing mereka lebih perkasa dan matang. Kesemuanya disebut sebagai perlindungan pemanfaat.

Ketika semua persoalan ini dapat dipahami oleh pengerusi UEK–SP selaku pemeraksa dan pemanfaat selaku yang diperkasakan, maka diharapkan proses pemeraksaan masyarakat akan dapat terlaksana sesuai dengan apa yang diharapkan. Namun demikian kenyataan yang terjadi tidak sesuai dengan harapan yang diinginkan, atas dasar inilah dilakukan suatu kajian persoalan ini dengan lebih terperinci lagi.

Kajian ini membincangkan pelbagai aspek program pemeraksaan masyarakat miskin (kewangan, pengurusan dan kemahiran). Adapun fokus kajian utama dalam kajian ini ialah pemeraksaan masyarakat miskin yang meliputi persyaratan, prosedur dan proses pemeraksaan melalui Usaha Ekonomi Kelurahan–Simpan Pinjam (UEK–SP) di Bandar Pekanbaru Provinsi Riau.

Penemuan yang dihasilkan daripada kajian ini diharapkan dapat menambah pengetahuan dan pemahaman tentang pemeraksaan masyarakat miskin melalui Usaha Ekonomi Kelurahan–Simpan Pinjam (UEK–SP) di Bandar Pekanbaru Provinsi Riau. Secara khusus, penemuan yang diperoleh dalam penyelidikan ini dapat menjadi pedoman untuk pihak Pemerintah Bandar Pekanbaru Provinsi Riau untuk boleh melaksanakan pengurangan angka kemiskinan yang berteraskan kepada pemeraksaan masyarakat miskin.



Kajian ini bermanfaat kerana menjelaskan tentang: a) pemerksaan masyarakat miskin melalui Usaha Ekonomi Kelurahan–Simpan Pinjam (UEK–SP) di Bandar Pekanbaru Provinsi Riau, b) perkembangan pemerksaan masyarakat miskin melalui Usaha Ekonomi Kelurahan–Simpan Pinjam (UEK–SP) di Bandar Pekanbaru Provinsi Riau dan c) faktor-faktor penghindar pemerksaan masyarakat miskin melalui Usaha Ekonomi Kelurahan–Simpan Pinjam (UEK–SP) di Bandar Pekanbaru Provinsi Riau.

Selain itu juga kajian ini diharapkan mampu menghasilkan suatu analisis yang boleh digunakan pihak Pemerintah Bandar Pekanbaru Propinsi Riau dalam menjalankan pembanterasan kemiskinan yang berbasis pemerksaan masyarakat miskin, sehingga angka kemiskinan dalam setiap tahunnya dapat berkurangan. Seterusnya kajian ini juga boleh dimanfaatkan sebagai rujukan oleh para penyelidik berikutnya sebagai data sekunder untuk melaksanakan penyelidikan.

Rancangan kandungan kajian ini akan dihuraikan dalam tujuh bab, iaitu: Bab pertama memberikan pengenalan secara umum tentang isu pemerksaan masyarakat miskin melalui Usaha Ekonomi Kelurahan–Simpan Pinjam (UEK–SP) di Bandar Pekanbaru Provinsi Riau. Bab ini juga menerangkan tentang permasalahan kajian, tujuan kajian, skop kajian, kepentingan kajian, organisasi penulisan dan kesimpulan.

Bab kedua membincangkan tentang teori yang menjadi rujukan untuk menganalisis program pemerksaan masyarakat miskin. Bab ini juga menyoroti dan menjelaskan tentang konsep kemiskinan, konsep pemerksaan masyarakat miskin, budaya organisasi dan pemerksaan, falsafah pemerksaan, dasar pemerksaan, tujuan dan sasaran pemerksaan, variabel pemerksaan, indikator pemerksaan, proses pemerksaan, tingkat pemerksaan, sumber-sumber inspirasi pemerksaan, ruang lingkup pemerksaan, strategi pemerksaan masyarakat, ukuran pemerksaan masyarakat dan faktor penghindar pemerksaan masyarakat serta rang teori dan kesimpulan.

Bab ketiga menerangkan mengenai kaedah dan kawasan kajian yang membahas tentang metode dan tehnik kajian yang digunakan dalam menyelesaikan permasalahan kajian yang dikemukakan. Bab ini juga menghuraikan tentang populasi dan pemilihan sampel kajian serta informan



yang dilakukan dan kaedah pengumpulan data yang digunakan. Selain itu juga bab ini turut mendedahkan mengenai kaedah analisis yang diguna pakai dan batasan data yang dikaji.

Bab keempat menghuraikan tentang penemuan yang diperoleh daripada analisis yang telah dilaksanakan. Dimana hasil temuan yang akan dihuraikan mengenai pemerksaan masyarakat miskin melalui Usaha Ekonomi Kelurahan–Simpan Pinjam (UEK–SP) di Bandar Pekanbaru Provinsi Riau. Bab kelima menghuraikan perkembangan pemerksaan masyarakat miskin melalui Usaha Ekonomi Kelurahan–Simpan Pinjam (UEK–SP) di Bandar Pekanbaru Provinsi Riau.

Bab keenam menghuraikan faktor-faktor penghindar pemerksaan masyarakat miskin melalui Usaha Ekonomi Kelurahan–Simpan Pinjam (UEK–SP) di Bandar Pekanbaru Provinsi Riau.

Bab ketujuh menerangkan tentang hasil temuan yang diperoleh dalam menganalisis pemerksaan masyarakat miskin melalui Usaha Ekonomi Kelurahan–Simpan Pinjam (UEK–SP) di Bandar Pekanbaru Provinsi Riau. Bab ini juga turut memberikan saran atau mencadangkan tentang bidang kajian yang sesuai dijalankan dalam pemerksaan masyarakat miskin di Bandar Pekanbaru Provinsi Riau.\*\*\*







**Repository University Of Riau**

PERPUSTAKAAN UNIVERSITAS RIAU

<http://repository.unri.ac.id/>